



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



Tatacara Permohonan

- Permohonan secara atas talian melalui laman sesawang **pohon.usm.my**.
- Calon perlu memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas** program pengajian (*Rujuk Syarat Kemasukan*).
- Nombor rujukan permohonan akan dihantar kepada calon melalui emel setelah lengkap proses pendaftaran dan pembayaran wang proses berjumlah **RM60**. Sila layari <https://pohon.usm.my/portal/online>.
- Pilih kategori permohonan mengikut kelayakan akademik calon.
- Memuat naik dokumen akademik dan dokumen lain yang berkaitan.
- Semakan permohonan boleh dilakukan melalui laman sesawang **pohon.usm.my**

PERTANYAAN

Untuk Maklumat Lanjut

Unit Pengambilan Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang

☎ 1 300 888 876

☎ 04 - 653 3196 / 3697

☎ 04 - 653 3328

✉ admissions@usm.my

🌐 admission.usm.my | pohon.usm.my

📱 Student Admissions USM

RANCANGAN PENGAJIAN JARAK JAUH (RPJJ)



SEMAKAN SYARAT



PERMOHONAN



KAMI MEMIMPIN
Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok
www.usm.my



admission.usm.my pohon.usm.my

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ)

Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) mula ditawarkan di Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 1971. RPJJ merupakan rancangan pengajian yang terulung di Malaysia yang menawarkan program pengajian sarjana muda secara jarak jauh.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah setara dengan kursus yang diikuti oleh pelajar sepenuh masa dalam kampus. Bahan pengajaran terdiri daripada bahan bercetak, pita rakaman dan bahan aneka media yang lain.

Tempoh pengajian adalah **4 tahun** (minimum) hingga **12 tahun** (maksimum).

Syarat am

- Lulus **SPM / MCE / SPVM** atau setaraf.
- Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia.
- Memenuhi **Syarat Am** dan **Syarat Khas Program Pengajian** (*Rujuk Syarat Kemasukan*).
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** dalam tempoh (1) tahun dari tarikh mendaftar.

Senarai program yang ditawarkan

- **SAINS**
 - Sarjana Muda Sains dalam Biologi dengan Kepujian (4 Tahun)
 - Sarjana Muda Sains dalam Matematik dengan Kepujian (4 Tahun)
- **PENGURUSAN**
 - Sarjana Muda Pengurusan dalam Kewangan dengan Kepujian (4 Tahun)
 - Sarjana Muda Pengurusan dalam Pemasaran dengan Kepujian (4 Tahun)
 - Sarjana Muda Pengurusan dalam Strategi dan Pengurusan Organisasi dengan Kepujian (4 Tahun)
- **SAINS KEMASYARAKATAN**
 - Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dalam Sains Politik dengan Kepujian (4 Tahun)
 - Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dalam Antropologi - Sosiologi dengan Kepujian (4 Tahun)
 - Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dalam Ekonomi dengan Kepujian (4 Tahun)
- **SASTERA**
 - Sarjana Muda Sastera dalam Sejarah dengan Kepujian (4 tahun)

Kategori permohonan

- STPM / STP / HSC/ Setaraf
 - Diploma / Diploma Vokasional Malaysia
 - Matrikulasi KPM / Asasi
 - A-level
- International Baccalaureate (IB)
 - STAM
 - APEL A (Tahap 6)
 - Diploma Eksekutif

Pusat Wilayah

Pusat Wilayah merupakan `nadi' untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ) yang dijalankan sepanjang Sidang Akademik. USM telah menubuhkan 6 buah Pusat Wilayah untuk Program Pengajian yang ditawarkan. Senarai Pusat Wilayah adalah seperti berikut:-

- Pulau Pinang (PPPJJ, USM)
- Kota Bharu (PP Sains Kesihatan, Kampus Kesihatan USM)
- Kuching (Kolej Datu Patinggi Abang Hj. Abdillah)
- Kuala Lumpur (SM Sains Selangor)
- Kota Kinabalu (Maktab Sabah)
- Johor Bahru (SMK Seri Kota Puteri 2)

Yuran

Yuran berulang (yuran pengajian)

Yuran	RM
Sastera	1,880.00
Sains Kemasyarakatan	1,880.00
Sains	2,230.00
Pengurusan	2,280.00

Yuran tidak berulang / pendaftaran RM390.00

** Nota: Kadar yuran adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak universiti.*

